

1. Tiada ada unsur ketirisan nyata dalam kelewatan KLIA2 - Nur Jazlan

LUMPUR: Tiada unsur ketirisan nyata yang menyebabkan peningkatan kos dan kelewatan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), kata Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Beliau berkata, peningkatan kos dan kelewatan projek berkenaan siap adalah kerana unjuran pertambahan penumpang di KLIA2 yang lebih tinggi daripada apa yang dijangkakan sebelum ini dan pembangunan rancak industri penerbangan tambang murah negara.

"Soal ketirisan perlu bukti dan dalam soal jawab semasa prosiding PAC tadi tidak timbul soal ketirisan tetapi lebih kepada pelaksanaan dan perancangan. PAC mahu orang awam mengikis persepsi yang tidak betul mengenai pembinaan KLIA2," katanya kepada pemberita di Bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Beliau ditemui selepas mendengar penjelasan selama tiga jam daripada Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Tan Sri Bashir Ahmad Abdul Majid, Ketua Pegawai Eksekutif MAHB, Datuk Ahmad Hamid Mohd Ali dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Yap Kian Sin.

Nur Jazlan berkata MAHB menjelaskan pertumbuhan rancak industri penerbangan tambang murah negara menyebabkan perubahan daripada segi reka bentuk lapangan terbang perlu dilakukan.

KLIA2, kata beliau akan dibuka pada 2 Mei dengan dua syarikat penerbangan iaitu Cebu Pacific dan Malindo Air beroperasi dahulu.

"AirAsia dijangka pindah selepas 2 Mei. Oleh itu pada 2 Mei, pra-pelancaran akan dilaksanakan dan KLIA2 akan beroperasi dengan trafik yang rendah sebelum AirAsia dengan jumlah penerbangan lebih besar berpindah ke sana," katanya.

Memandangkan banyak perkara pada sesi hari ini menyentuh AirAsia, Nur Jazlan berkata PAC memutuskan untuk memanggil AirAsia yang banyak mempengaruhi pembinaan KLIA2 bagi memberi keterangan secepat mungkin.

Beliau berkata PAC hari ini turut merakamkan kenyataan daripada MAHB yang membayai sepenuhnya projek KLIA2 untuk kepentingan awam manakala Kementerian Pengangkutan melihat aspek isu keselamatan bagi menjamin keselamatan penumpang dan pengguna KLIA2 berikutan insiden kehilangan pesawat MH370 Malaysia Airlines pada 8 Mac lalu.

KLIA2 sebelum ini dijadual dibuka pada 30 April sebelum ditunda kepada 2 Mei.



Isnin, 7 April 2014

2. Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1: PTPTN perlu tingkatkan pengurusan

KUALA LUMPUR: Ketua Audit Negara mengesyorkan agar Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mempertingkatkan pengurusan sistem pinjaman/pembentangan pendidikannya yang secara keseluruhan kurang memuaskan.

Syor yang dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1 itu berdasarkan pengauditan antara April dan Julai 2013 yang mendapati PTPTN gagal melaksanakan Education Loan Management System (ELMAS) secara menyeluruh.

Menurut laporan yang dibentang di Dewan Rakyat hari ini, bahagian penyenggaraan pinjaman seperti permohonan lanjutan tempoh pembayaran, penangguhan dan pengecualian bayaran balik dilaksana menerusi Sistem Pengurusan Kutipan Balik (e-UPKB) yang tidak berintegrasi dengan ELMAS dan ELMAS-i (Islamic Education Loan Management System).

Selain itu capaian logikal ELMAS dan ELMAS-i juga lemah kerana tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan dengan Pengenalan Pengguna dan kata laluan yang dibangunkan sendiri oleh PTPTN

terlalu ringkas.

Audit juga mendapati 'data cleansing' ELMAS dan ELMAS-i tidak dilaksana sepenuhnya sehingga wujud pertindihan rekod dalam jadual pinjaman.

Selain itu pihak Audit turut mendapati terdapat 384 rekod pendapatan ibu bapa atau penjaga peminjam tidak munasabah berdasarkan jenis pekerjaan yang dinyatakan.

Laporan itu juga menyatakan bagi tempoh 1997 sehingga November 2013, PTPTN telah mengeluarkan pinjaman/pembentukan pendidikan berjumlah RM53.23 bilion kepada 2.3 juta peminjam.

Daripada jumlah itu, RM5.14 bilion dikeluarkan bagi tahun 2013 untuk 201,958 pelajar



Isnin, 7 April 2014

3. Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1: 14 peratus daripada peniaga program TUKAR gulung tikar

KUALA LUMPUR: Sebanyak 26 peratus daripada 70 kedai di bawah Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) yang diselia oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengalami kemerosotan nilai jualan manakala 14 peratus lagi bergulung tikar.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara, 2013 Siri 1 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, kedai-kedai yang mengalami kemerosotan nilai jualan berpunca antaranya disebabkan wujudnya persaingan daripada pasar raya berdekatan.

"Kedai yang telah menutup perniagaan mereka pula adalah kerana menghadapi masalah kekurangan modal dan kesukaran peserta mendapat bekalan barang jualan disebabkan mereka (peserta) tidak memaksimakan pulangan ke atas jualan stok sebagai pusingan untuk pembelian stok seterusnya," menurut laporan itu.

Laporan itu turut mendapat juga peserta yang bertukar milik kedai selain menutupnya disebabkan peniaga menghadapi kekurangan modal dan klausu dalam perjanjian pinjaman tidak terdapat larangan kepada peserta TUKAR untuk menjual (kedai tersebut) dalam tempoh perjanjian berkuat kuasa, menurut laporan itu.

Laporan itu menyebut pihak KPDNKK bersetuju dengan syor Audit Negara untuk meletakkan syarat bahawa pekedai tidak boleh menukar milik atau menjual kedai mereka kepada pihak lain tanpa persetujuan kementerian itu terlebih dahulu.

Bagaimanapun, sebanyak 56 peratus daripada keseluruhan kedai yang menyertai program tersebut berjaya meningkatkan nilai jualan berbanding sebelum menyertai program TUKAR, menurut laporan itu.

Sementara itu, sebanyak 75 peratus daripada 60 peserta program TUKAR tidak mendapat latihan yang sewajarnya disebabkan masalah ketiadaan pembantu untuk menguruskan perniagaan ketika menghadiri latihan, lokasi latihan yang jauh dan masalah pengangkutan serta masalah kesihatan. Program TUKAR telah dilancarkan pada Feb 2011 dengan tujuan memodenkan kedai runcit tradisional dan sedia ada bagi meningkatkan daya saing dalam bidang peruncitan yang kompetitif. -



Isnin, 7 April 2014

4. Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1: Kelewatan bayar kontraktor, kelemahan mutu binaan dalam projek Politeknik Banting

KUALA LUMPUR: Kelewatan pembayaran interim kepada kontraktor dan kelemahan mutu pembinaan adalah antara masalah yang dikenalpasti dalam projek pembinaan Politeknik Banting, Selangor.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2013, Siri 1, daripada 23 perakuan pembayaran interim untuk

Pakej Satu bernilai RM37.10 juta yang disediakan, tiga daripadanya lewat dibuat manakala empat daripadanya dibayar kurang dengan perbezaan antara RM270,000 dan RM2.37 juta.

Manakala bagi Pakej Dua yang berjumlah RM157.50 juta, daripada 36 perakuan pembayaran interim, tiada kelewatan pembayaran dibuat, namun 15 daripadanya dibayar kurang dari amaun yang ditetapkan dengan perbezaan antara RM110,000 hingga RM14.77 juta.

"Pada pendapat Audit, kelewatan bayaran dan/atau kekurangan dalam bayaran berdasarkan penilaian kerja di tapak boleh memberi kesan negatif kepada aliran tunai syarikat kontraktor yang seterusnya boleh menjasikan kelancaran dalam kesinambungan kerja pembinaan," menurut laporan itu yang dibentangkan di Parlimen hari ini.

Sementara itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam maklum balasnya bertarikh 13 Februari lepas berkata, kelewatan bayaran bagi Pakej Satu berlaku di awal tahun 2009 dan 2010 ekoran kelewatan penerimaan waran peruntukan dari Kementerian Pengajian Tinggi.

"Waran peruntukan diterima empat kali setahun iaitu pada Jan, April, Julai dan Okt manakala jumlah bayaran kurang dari nilai diperakuan adalah disebabkan baki peruntukan di JKR adalah kurang dari nilai kerja di tapak pada masa bayaran dibuat," kata JKR.

Selain itu, Audit turut mengenal pasti masalah mendapan tanah yang serius serta kerja mekanikal dan elektrikal yang kurang sempurna untuk projek itu.

Menurut laporan itu, masalah mendapan tanah telah menyebabkan keretakan dinding, jalan mendap, kerosakan longkang, perubahan pada kecerunan longkang, serta masalah pengaliran air dalam longkang itu.

"Pada pendapat Audit, JKR hendaklah memastikan kontraktor membaiki segala kerosakan yang timbul secara penyelesaian jangka panjang dan memberi jaminan kualiti," menurut laporan itu lagi.

JKR dalam maklum balasnya bertarikh 13 Februari lalu berkata, untuk penyelesaian masalah tanah mendap, tindakan telah diambil dengan meratakan jalan itu manakala kerosakan longkang telah

dibaiki pada bulan Nov tahun lepas dan tidak mengganggu fungsi bangunan secara keseluruhan.

"Jika berlaku kegagalan reka bentuk, pihak kontraktor dan juruperunding akan dipertanggungjawabkan," kata jabatan itu lagi.

Untuk masalah mekanikal dan elektrikal pula, JKR berkata, segala teguran audit telah dikenalpasti dan diperbaiki.



Isnin, 7 April 2014

5. Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1: Kelewatan projek Empangan Paya Peda ditegur

KUALA LUMPUR: Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1 mendedahkan prestasi pembangunan Empangan Paya Peda di Besut, Terengganu lewat 18.49 peratus berbanding jadual asal.

Menurut laporan yang dibentang di Dewan Rakyat di sini hari ini, kelewatan itu disebabkan kegagalan kontraktor menepati terma kontrak.

Audit yang dilakukan mengesahkan beberapa kelemahan antaranya pemilihan kontraktor tidak berkelayakan/berpengalaman selain penggunaan bilangan jentera yang kurang daripada yang ditetapkan, demikian menurut laporan itu.

Pihak terbabit juga gagal menujuhan Emergency Response Team, kata laporan itu lagi.

Sehubungan itu Ketua Audit Negara mengesyorkan agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) serta Kementerian Kewangan (MOF) melaksanakan beberapa penambahbaikan antaranya memastikan asas pemilihan kontraktor dibuat secara komprehensif dari segi kewibawaan, kelayakan, keupayaan dan pengalaman.

MOA, perunding dan kontraktor juga hendaklah segera menujuhan pusat informasi bagi

meningkatkan penglibatan serta menyediakan Emergency Response Plan (ERP) yang lengkap, kata laporan itu.

MOA juga diminta memantau bilangan loji dan peralatan asas di kawasan pembinaan bagi mengelak kelewatan dalam pembinaan.



Isnin, 7 April 2014

6. Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1: Elaun lebih masa RM1.39j akibat kurang penjawat tetap di K1M

KUALA LUMPUR: Kekurangan penjawat tetap di Klinik 1Malaysia (K1M) mengakibatkan bayaran elaun lebih masa berjumlah RM1.39 juta dicatatkan untuk tempoh 2011 hingga 2013.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 1 yang dibentangkan di Dewan Rakyat di sini hari ini, bayaran elaun lebih masa untuk petugas K1M bagi tahun 2013 berjumlah RM579,320; RM631,280 (2012) dan RM179,754 bagi tahun 2011.

Kekurangan tersebut menyebabkan petugas daripada Klinik Kesihatan atau klinik induk dan Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian berdekatan dipinjamkan ke K1M berkaitan dan terpaksa bertugas lebih masa.

Selain itu, laporan itu menyebut petugas yang terpaksa bekerja lebih masa boleh mengakibatkan keletihan dan terdedah kepada kecuaian perubatan.

Justeru, laporan itu mengesyorkan kepada Kementerian Kesihatan supaya segera mengisi jawatan tetap bagi K1M agar dapat mengurangkan beban kerja serta meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan K1M.

Sementara itu maklum balas Kementerian Kesihatan yang turut dimuat dalam laporan audit yang sama menyebut sehingga 20 Feb lepas, pihak kementerian telah mengisi 508 jawatan jururawat di

254 buah K1M.

Bagi jawatan Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan dan Kesihatan, 444 perjawatan telah diisi manakala 64 lagi perjawatan telah diberi dalam Anggaran Belanja Mengurus 2014. Laporan itu juga mengesyorkan supaya penempatan K1M adalah berpandukan kriteria yang ditetapkan iaitu di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi dan akses kenderaan yang mudah.

Ini kerana, K1M Pulau Tuba di Langkawi mencatatkan kedatangan pesakit yang rendah, iaitu purata hanya lapan orang sehari pada tahun lalu, dan terdapat sebuah klinik desa dalam jarak dua kilometer.

Selain itu, laporan itu juga menyentuh kelewatan memuktamadkan perjanjian sewaan premis untuk lima K1M di Sarawak iaitu di Padawan; Matang Jaya; Bintawa; Senadin dan Samarindah di antara 12 hingga 26 bulan walaupun semua klinik itu telah beroperasi dan sewa dibayar.

Kementerian Kesihatan menjelaskan bahawa masalah itu berlaku kerana terdapat pemilik bangunan enggan menggunakan perjanjian seragam yang disediakan Peguam Negara dan kementerian akan berusaha bekerjasama dengan pemilik bangunan untuk mempercepatkan urusan memuktamadkan perjanjian itu.



Isnin, 7 April 2014

7. Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1: 109 syor dikemukakan

Sebanyak 109 syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1 bagi membantu kementerian, jabatan dan syarikat kerajaan memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, laporan itu yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 17

program, aktiviti dan projek di bawah 14 kementerian dan jabatan serta pengurusan dua syarikat kerajaan.

"Mulai tahun ini, menteri-menteri telah dimaklumkan tentang laporan yang melibatkan kementerian masing-masing bagi memastikan mereka mengetahui lebih awal isu-isu yang akan dilaporkan serta mengambil tindakan segera," katanya dalam Kata Pendahuluan laporan itu.

Ambrin berkata pada umumnya, terdapat kelemahan seperti 'improper payment', kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai; kelewatan dan harga tidak munasabah; pembaziran; kelemahan pengurusan hasil, pengurusan dan penyenggaraan aset kerajaan; ketidakpatuhan terhadap undang-undang alam sekitar serta kelemahan pengurusan syarikat kerajaan.

Beliau berkata kelemahan itu disebabkan kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan kerajaan; kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender dan tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/vendor/perunding.

Kelemahan lain termasuk kurang kemahiran dalam pengurusan projek; lewat membuat keputusan mengenai perolehan; sistem maklumat kementerian/jabatan/syarikat kerajaan yang tidak lengkap dan tidak kemas kini; kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek dan kekurangan peruntukan untuk penyenggaraan aset.

Menerusi laporan itu, Ambrin berkata Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat jenis pengauditan iaitu Pengauditan Penyata Kewangan, Pengauditan Pematuhan, Pengauditan Prestasi dan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan.

Beliau berkata 'Auditor General's Dashboard' yang dilancarkan pada 30 Mei 2013 dipaparkan di Laman Portal Jabatan Audit Negara keesokan harinya yang menunjukkan status tindakan Laporan Ketua Audit Negara terkini mulai tahun 2012.

"Ia berperanan untuk memantau tindakan oleh kementerian, jabatan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan, selain itu, ia juga bagi menunjukkan komitmen serius kerajaan terhadap

isu-isu ketirisan pengurusan kewangan kerajaan," katanya.

Ambrin berkata 'Auditor General's Dashboard' juga merupakan saluran pemberitahuan kepada pihak awam berhubung status tindakan yang diambil.



Isnin, 7 April 2014

8. Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1: Pemantauan kurang teliti punca projek Jalan Alor Setar naik

Projek Membaih Pulih dan Menaik Taraf Jalan Alor Setar-Kuala Nerang-Durian Burung yang kos asal bernilai RM246.20 juta mengambil tempoh tambahan tiga tahun dari tarikh kontrak asal untuk disiapkan ekoran pemantauan dan perancangan kurang teliti.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 2013 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, kelewatan itu menyebabkan kos keseluruhan projek meningkat sebanyak RM74.33 juta menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM354.33 juta.

"Antara sebab projek ini mengambil masa sehingga tiga tahun untuk disiapkan adalah kerana berlakunya kelewatan dalam proses pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti.

"Dari aspek pengurusan projek, Audit mendapati pentadbiran kontrak dalam urusan bayaran pendahuluan, bon pelaksanaan dan bayaran kemajuan telah mematuhi peraturan. Namun berlaku kelemahan seperti kelewatan memuktamadkan rundingan harga dengan kontraktor, lewat menguatkuasakan arahan mengosongkan tapak terhadap pemilik premis serta kerja pembinaan yang tidak memuaskan," menurut laporan itu.

Projek ini sepatutnya siap pada 17 Sept 2009 tetapi hanya siap pada 28 Okt 2012.

Namun Audit berpendapat prestasi kewangan bagi projek itu sangat baik yang 99.1 peratus dari jumlah keseluruhan telah dibelanjakan setakat Jun 2013.

Bagi mengelakkan perkara itu berulang di masa hadapan, Audit telah menggariskan beberapa syor untuk Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) mengambil perhatian seperti memastikan perancangan dan pemantauan yang teliti dan berkesan bagi mengelakkan kelewatan. "KKR dan JKR harus memastikan pemantauan dan koordinasi yang berkesan diwujudkan antara pihak utiliti dan kontraktor.

"Selain itu mereka harus memastikan penguatkuasaan terhadap syarat kontrak dilaksanakan dengan berkesan, khususnya dalam aspek penyenggaraan jalan supaya kemudahan yang dibina tidak mengalami kerosakan dan dapat dimanfaatkan dengan optimum," menurut laporan itu.

Dalam maklum balas bertarikh 16 Okt 2013, JKR berkata pihaknya mengambil maklum segala teguran Audit dan akan memastikan mesyuarat-mesyuarat tapak projek bagi masa hadapan diadakan sebulan sekali.

Selain itu, JKR telah memaklumkan kepada Audit pada 14 Feb tahun ini bahawa pihaknya akan memastikan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan dengan berkualiti dalam tempoh tanggungan kecacatan.



Selasa, 8 April 2014

9. Lima kementerian dipanggil

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil lima kementerian dan beberapa agensi bagi memberi penjelasan berhubung pelbagai isu berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri I.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata ia membabitkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya dan

Kementerian Dalam Negeri (KDN), manakala agensi kerajaan pula termasuk Jabatan Kerja Raya dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Kami juga minta penjelasan KWSP kerana Jabatan Audit mendapati prestasi pelaburan mereka meningkat setiap tahun dan PAC perlu lihat rancangan KWSP untuk mengurangkan risiko terutama membabitkan aktiviti pelaburan di luar negara," katanya.

Ketirisan bayaran

Bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat PAC berhubung laporan berkenaan di Parlimen semalam, beliau berkata, antara isu perlu diberi penjelasan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani termasuk projek pembangunan Empangan Paya Peda di Besut, Terengganu.

Katanya, projek bernilai RM343.55 juta diberi kepada sebuah syarikat secara rundingan terus itu gagal disiapkan mengikut jadual tahun lalu, manakala isu membabitkan Kementerian Kesihatan pula berkaitan perolehan aset, penyimpanan rekod, pengurusan program dan peralatan perubatan yang menyebabkan berlaku ketirisan dari segi bayaran.

"Kementerian Kerja Raya pula perlu memberi penjelasan mengenai pembinaan Kompleks Mahkamah Kuantan yang baharu, pengurusan pangkalan marin dan pembinaan Politeknik Banting di Selangor. "KDN akan diminta menjelaskan isu pembelian kasut dan pakaian seragam RELA bernilai RM17 juta yang didapati melanggar syarat perolehan," katanya.

Bagi Kementerian Pendidikan, ia diminta menjelaskan pencapaian fizikal dan prestasi kewangan bagi projek di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) di institusi pengajian tinggi awam yang membelanjakan peruntukan tinggi, namun tiada kertas kerja dikeluarkan.

"Mereka belanjakan RM300 juta dan mahu tambah peruntukan kepada lebih RM1 bilion.

Ini pembaziran dan contoh ketirisan, bukan rasuah kerana tiada yang pertikai tindakan mereka," katanya.

10. PTPTN perlu tingkat pengurusan pinjaman

Kuala Lumpur: Ketua Audit Negara mengesyorkan agar Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mempertingkatkan pengurusan sistem pinjaman/pembentangan pendidikannya yang secara keseluruhan kurang memuaskan.

Syor dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1 itu berdasarkan pengauditan antara April dan Julai 2013 yang mendapati PTPTN gagal melaksanakan 'Education Loan Management System' (ELMAS) secara menyeluruh.

Menurut laporan dibentang di Dewan Rakyat semalam, bahagian penyenggaraan pinjaman seperti permohonan lanjutan tempoh pembayaran, penangguhan dan pengecualian bayaran balik dilaksana menerusi Sistem Pengurusan Kutipan Balik (e-UPKB) yang tidak berintegrasi dengan ELMAS dan 'Islamic Education Loan Management System' (ELMAS-i).

Selain itu, capaian logikal ELMAS dan ELMAS-i juga lemah kerana tidak mempunyai ciri keselamatan dengan Pengenalan Pengguna dan kata laluan yang dibangunkan oleh PTPTN terlalu ringkas.

Audit juga mendapati 'data cleansing' ELMAS dan ELMAS-i tidak dilaksana sepenuhnya sehingga wujud pertindihan rekod dalam jadual pinjaman.

Selasa, 8 April 2014

11. Beli syarikat konsesi lebuh raya perlu kajian terperinci

Kuala Lumpur: Cadangan supaya kerajaan membeli semula syarikat konsesi lebuh raya perlu kajian terperinci termasuk dari segi keperluan rakyat, kemampuan kerajaan dan implikasi terhadap negara.

Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof, berkata jika kerajaan mengambil alih semua syarikat konsesi, pelabur dikhuatiri beranggapan ia sebagai langkah untuk memiliki negara keseluruhan syarikat.

"Tindakan itu akhirnya menyebabkan pelabur tidak berani melabur di Malaysia," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Irmohizam Ibrahim (BN-Kuala Selangor) pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Irmohizam mahu penjelasan sama ada kerajaan bercadang membeli semula syarikat konsesi tol dan mengkaji sama ada untuk mengekal atau menurunkan kadar tol sedia ada supaya tidak membebankan rakyat.

Kos tinggi

Fadillah berkata, dasar penswastaan bertujuan mengurangkan beban kewangan kerajaan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kecekapan.

Katanya, jika kerajaan mengambil alih syarikat konsesi berkenaan, ia bukan sahaja membabitkan kos pengambilalihan tetapi pada masa sama rakyat mengharapkan pemansuhan kadar tol.

"Jadi, ada dua kos yang perlu dilihat dalam jumlah yang begitu besar. Dengan kos itu, kita patut mempertimbangkan sama ada mengambil alih syarikat konsesi atau menambahbaik serta memperbanyak jalan persekutuan untuk kemudahan rakyat," katanya.

Beliau berkata, sejak 2008, kerajaan melaksanakan inisiatif untuk mengurangkan beban tol yang

ditanggung pengguna.

Antaranya, penangguhan kenaikan kadar tol sejak 2008 hingga 2013; penutupan, pemansuhan dan pengurangan kadar tol berbanding tempoh sebenar perjanjian konsesi dan penstrukturkan semula kadar tol.

Katanya, bagi tempoh jangka panjang, kerajaan masih berunding dengan syarikat konsesi lebuhraya untuk mengkaji mekanisme terbaik berkaitan termasuk penetapan kadar tol.

"Rundingan itu dibuat berdasarkan konsep menang-menang kepada semua pihak iaitu kerajaan, syarikat konsesi, institusi pemberi pinjaman kewangan dan rakyat," katanya.



Selasa, 8 April 2014

12. BPPB Hospital Angkatan Tentera tak patuh arahan

Kuala Lumpur: Perolehan 92 bekalan perubatan pakai buang (BPPB) di Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan di sini tidak mematuhi peraturan kewangan ditetapkan.

Laporan Ketua Audit Negara 2013 mendapati penghantaran BPPB melalui 92 nota hantaran telah dilakukan secara terus daripada pembekal kepada Jabatan Bedah tanpa membabitkan Stor Perubatan seperti mana ditetapkan.

"Penerimaan peralatan ini telah ditandatangani Pegawai Penyelia dan pegawai lain di Dewan Bedah. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti pegawai itu diberi kuasa untuk menerima peralatan yang dibekalkan dan menandatangani dokumen penerimaan.

"Memandangkan proses perolehan yang tidak mengikut prosedur ditetapkan, Audit mendapati nota hantaran yang dikemukakan oleh pembekal tidak mempunyai nombor pesanan kerajaan.

"Mengikut penjelasan pegawai berkaitan di hospital itu, permohonan dibuat melalui panggilan telefon dengan alasan keperluan mendesak.

Ketiadaan nombor pesanan ini menyukarkan semakan terhadap pembayaran oleh Unit Belanjawan," menurut laporan itu.

Berikutan itu, Audit tidak dapat memastikan sama ada bekalan itu telah dibuat malah tidak dapat diketahui kos dan lokasi penyimpanan peralatan.

Ia juga mendapati Wad Burn and Nuclear Biological and Chemical dan Wad Female Multi Dental, Ophthalmology belum beroperasi walaupun hospital itu mula menjalankan perkhidmatannya pada 2009.

"Wad yang tidak beroperasi ini menyebabkan peralatan seperti katil, tilam dan Central Monitoring System bagi memantau pesakit tidak digunakan," menurut laporan itu.

Audit turut mendapati kelengkapan yang ditempatkan di ruang jururawat telah rosak.

Laporan itu turut menyebut penerimaan peralatan perubatan di HAT Tuanku Mizan dan HAT Wilayah Kota Kinabalu tidak diuruskan dengan sempurna.

Semakan Audit mendapati tiada ruang disediakan dalam Borang Permoho - nan Perolehan untuk menunjukkan baki semasa stok dalam simpanan.



Rabu, 9 April 2014

13. Tiada penyelewengan: Zahid

Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri (KDN) menegaskan tiada penyelewengan dalam pembelian kasut dan pakaian seragam Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) bernilai RM17 juta, seperti terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata isu peningkatan kos pembelian itu sudah pun diperjelaskan oleh pegawai berkaitan kepada beliau sebelum laporan itu dibentangkan di Parlimen.

"Perkara berkenaan disebabkan (masalah) spesifikasi pakaian, harga pembeliannya melebihi jumlah peruntukan sedia ada," katanya pada sidang media selepas menghadiri perhimpunan bulanan KDN, di sini semalam.

Kelmarin, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dipetik berkata, KDN antara lima kementerian yang akan dipanggil bagi memberi penjelasan berhubung pelbagai isu berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013.



Rabu, 9 April 2014

14. Miti kaji insentif jayakan LEP 2.0

Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedang mengkaji program serta insentif baharu yang akan dicadangkan kepada kerajaan untuk menyokong gelombang kedua Dasar Pandang Ke Timur (LEP 2.0).

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) MITI, Mohd Ridzal Sheriff, berkata cadangan itu bertujuan meminta kerajaan memberikan lebih sokongan kepada segmen tertentu seperti teknologi termaju baharu dan segmen industri baharu yang belum ada di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, cadangan itu tidak terhad hanya kepada syarikat Jepun kerana LEP 2.0 yang diperkenalkan kerajaan pada Disember lalu turut meliputi kuasa ekonomi lain di sebelah timur termasuk Korea Selatan.

"Kami masih merangka cadangan ini. Kerana itu kami tidak dapat menyatakan sama ada sokongan akan diberikan dari segi insentif, bantuan ekonomi, sokongan teknikal atau apa juga jenis sokongan lain yang diperlukan pelabur selain insentif atau sokongan kewangan.

Kerjasama Malaysia-Jepun

"Kerajaan berharap LEP 2.0 dapat membawa kerjasama Malaysia-Jepun ke tahap baharu khususnya dalam pembangunan pusat pembangunan dan penyelidikan (R&D), perkongsian teknologi termaju dan seterusnya kepada usaha sama dengan syarikat tempatan membabitkan pemilikan ekuiti.

"Ini adalah hasrat kita untuk membawa LEP ke tahap yang baharu yang kini hanya terhad kepada operasi pengilangan saja.

Selepas 30 tahun LEP dilaksanakan, hubungan Malaysia-Jepun kini sangat rapat dan menjamin peluang besar untuk LEP 2.0," katanya kepada media di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau sebelum itu menjadi panel dalam pembentangan 'Dasar Pandang Ke Timur 2.0: Malaysia - Tempoh Seterusnya' sempena siri persidangan tahunan anjuran Affin Investment Bank Bhd.

Sementara itu, Pengarah Urusan Affin Investment Bank, Maimoonah Hussain, berkata pihaknya mendapati wujud minat yang mendalam dalam kalangan pelabur Jepun untuk kembali ke pasaran saham Malaysia.

Justeru, katanya, beliau percaya langkahnya untuk memeterai kerjasama dengan Daiwa Securities Group Inc adalah tepat pada masanya bagi membawa kumpulan dari Jepun itu kembali dalam portfolio pelaburannya.

"Kerana itu kami menganjurkan Siri Persidangan Affin Investment 2014 dengan tema LEP 2.0 yang secara tidak langsung menjadi platform memperkenalkan Jepun sebagai destinasi pelaburan berpotensi kepada institusi pelaburan di Malaysia dan begitu juga kepada institusi pelaburan dari Jepun," katanya.

Artikel Berkaitan

AFFIN-HWANG BROKER SAHAM KEDUA TERBESAR

Affin Holdings Bhd berada pada landasan kukuh untuk muncul sebagai antara lima kumpulan kewangan dan perbankan utama Malaysia dengan muktamadnya urus niaga pengambilalihan aset perbankan pelaburan, pengurusan aset dan perniagaan pasaran hadapan HwangDBS.

CPPS3 pamer hartanah RM11.38b

Pameran Hartanah Perdana Cyberjaya 2014 (CPPS3) yang diadakan pada 19 dan 20 April ini akan menampilkan rangkaian hartanah yang terdiri daripada unit kediaman dan komersial dengan gabungan nilai pembangunan kasar (GDV) RM11.38 bilion.

Microsoft, TM tawar rebat tukar PC lama

Microsoft Malaysia bekerjasama dengan Telekom Malaysia Bhd (TM) untuk menggalakkan permintaan penggantian bagi komputer peribadi (PC) di negara ini.



Rabu, 9 April 2014

15. Memahami prinsip tugas menteri, penjawat awam

Kenyataan ahli politik, terutama mereka daripada parti pembangkang, sering mendesak menteri meletak jawatan atas musibah dalam kementeriannya. Ini bukan perkara baharu. Terakhir, media melaporkan kenyataan seorang ahli politik pembangkang yang mahukan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi meletak jawatan ekoran daripada insiden penculikan di Sabah. Sebelum ini, menteri ini juga disuruh meletak jawatan oleh pembangkang kerana beberapa kenyataan dan beberapa insiden lain berkaitan kementeriannya.

Perkara ini menarik untuk dibawa ke hadapan. Bukan kerana insiden ini saja, tetapi kerana masyarakat ada kalanya tidak mendapat penerangan secukupnya mengenai prinsip, amalan atau undang-undang mengenai perkara ini. Kesannya sudah tentu khalayak mencipta pendirian atau membuat persepsi tanpa panduan yang jelas.

Rata-rata setakat ini khalayak hanya mengetahui prinsip umum iaitu, menteri hendaklah meletak jawatan jika berlaku sesuatu yang tidak baik dalam kementeriannya; dan menteri tidak boleh menyalahkan penjawat awam.

Prinsip 'Tanggungjawab Menteri'

Prinsip 'Ministerial Responsibility' atau prinsip 'Tanggungjawab Menteri' terbahagi kepada dua, iaitu, 'Individual Responsibility' dan 'Collective Responsibility.'

'Individual Responsibility'- tanggungjawab individu - merujuk kepada situasi di mana menteri bertanggungjawab secara individu atas perkara peribadi membabitkan dirinya; atau atas sebab tugasnya sebagai seorang menteri di kementeriannya. Perkara peribadi mungkin merujuk kepada kemoralan atau apa juga perkara yang membabitkan menteri berkenaan sebagai individu. Selain itu, dalam tugasnya sebagai menteri, ia mungkin merujuk kepada ketirisan atau kegagalan dalam pelaksanaan polisi atau perjalanan kementeriannya.

'Collective responsibility' - tanggungjawab kolektif - pula merujuk kepada menteri bertanggungjawab secara kolektif; bersama dengan menteri lain dalam Jemaah Menteri, termasuk keputusan, tindakan atau polisi diluluskan Jemaah Menteri.

Dalam kedua-dua aspek prinsip Tanggungjawab Menteri, iaitu 'Individual Responsibility' dan 'Collective Responsibility', menteri dan Jemaah Menteri bertanggungjawab kepada Parlimen - mereka akan menjawab persoalan Ahli Parlimen atau seterusnya mendapat tekanan politik untuk meletakkan jawatan sekiranya masalah dihadapi sangat berat atau serius kesannya ke atas negara.

Dalam Perlembagaan kita, 'Collective Responsibility' disebut, tetapi tidak menyebut mengenai 'Individual responsibility'. Walaupun 'Collective Responsibility' disebut, tiada perincian khusus mengenainya. Tiada juga kod amalan mengenainya. Kita perlukan perbincangan besar, mungkin di ruangan lain mengenai ini.

Bagi tujuan tulisan ini saya hanya sempat menyebut secara umum pembaharuan berkaitan prinsip 'Individual Responsibility' yang perlu kita bincang. Mungkin, sebagai permulaan ialah untuk membentuk garis panduan mengenai bidang tugas dan tanggungjawab menteri dan penjawat awam.

Secara amalan dan pentadbiran, setiap kementerian atau agensi kerajaan mempunyai menteri, sama ada secara de jure atau de facto. Menteri berperanan membuat arahan umum dan menjawab persoalan berkaitan kementeriannya di Parlimen. Pentadbiran dan pelaksanaan tugas di kementerian pula dibuat oleh penjawat awam. Oleh itu, dalam konteks ini hubungan antara menteri dan penjawat awam di kementeriannya ialah, pertama, memberi dan menerima arahan umum dan kedua, menteri mewakili penjawat awam menjawab soalan di Parlimen.

Walaupun begitu dekat hubungan antara menteri dan penjawat awam, ada kalanya ia agak jauh. Tidak mungkin untuk seorang menteri melihat serta mengawal pelaksanaan atau perjalanan kementeriannya sepanjang masa. Segala aktiviti diselenggara oleh pentadbiran, iaitu penjawat awam.

Oleh itu, keadaan ini memberi justifikasi kepada pewujudan panduan khusus mengenai tugas menteri dan penjawat awam. Panduan khusus ini akan meletakkan penjawat awam mengambil tanggungjawab dalam pelaksanaan urusan kementerian atas arahan umum menteri. Dan, penjawat awam juga perlu bertanggungjawab.

Garis panduan ini juga secara tidak langsung menjadikan penjawat awam lebih bertanggungjawab. Selain itu, ia juga boleh memperjelaskan kepada khalayak untuk menilai kenyataan politik yang mendesak menteri meletak jawatan.

Garis panduan ini juga boleh mengurangkan hal berkaitan kementerian dijadikan bahan politik oleh pembangkang dan mereka tidak boleh sewenang-wenang mendesak menteri meletak jawatan atas sedikit musibah dalam kementerian.

Perkara ini menjadi topik perbahasan di England juga. Mereka mengeluarkan beberapa kertas kajian mengenai pembahagian antara tanggungjawab menteri dan penjawat awam. Sebagai permulaan, kita mungkin bole belajar mengenai perkara ini daripada mereka.



Khamis, 10 April 2014

16. Laporan berniat buruk

Ketua Audit Negara (AG) Tan Sri Ambrin Buang menyanggah laporan The Edge yang disifatkan sebagai berniat buruk kerana menggambarkan beliau sebagai tidak berpuas hati dengan prestasi pelaburan luar negara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Meluahkan tidak puas hatinya terhadap lidah pengarang akhbar itu, Ambrin berkata, laporan itu tidak tepat sama sekali kerana dalam Laporan Audit Negara 2013 yang dibentangkan semalam, beliau sebenarnya memuji KWSP kerana kaedah yang menguntungkan yang dilaksanakannya dalam mengurus pelaburan hartanah di luar negara.

Daripada laporan The Edge, nampaknya saya seolah-olah tidak berpuas hati dengan kelemahan pelaburan KWSP di luar negara dan oleh itu KWSP akan dipanggil oleh PAC (Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara) untuk menjelaskan tentang pelaburannya.

Selar The Edge

Saya benar-benar tidak bersetuju dengan laporan oleh wartawan The Edge kerana saya tidak pernah sekalipun dalam pertemuan atau perbincangan dengan anggota PAC menyebut ketidakpuasan saya mengenai pelaburan KWSP, katanya dalam surat kepada The Edge.

Ambrin selanjutnya berkata, laporan itu jelas sekali tidak tepat dan tidak sewajarnya melaporkan kononnya timbul kebimbangan berhubung pelaburan KWSP di luar negara.

The Edge dalam laporan bertajuk *AG Raises Alarm Over EPFs Overseas Investment* (*AG* bangkitkan kebimbangan berhubung pelaburan KWSP luar negara) mendakwa Ambrin telah meminta bantuan PAC untuk menyiasat peningkatan pelaburan hartanah KWSP di luar negara.

Laporan itu juga memetik Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed, sebagai berkata *AG* telah menyuarakan kebimbangan kepada jawatankuasa itu bahawa KWSP telah menambah RM6.46 bilion dalam pelaburan tertentu tahun lepas.

Bagaimanapun, Ambrin berkata beliau dengan jelas menyatakan dalam laporannya bahawa pendapatan kasar KWSP dalam pelaburan hartanah meningkat 91 peratus kepada RM1.14 bilion pada 2013, berbanding RM596 juta pada tahun sebelumnya.

Untuk pengetahuan anda, prestasi baik KWSP ini sebenarnya disiarkan oleh banyak akhbar seperti *The Star*, *Utusan Malaysia*, *BH*, *Malaysian Insider* (portal berita) dan banyak lagi.

KWSP adalah sebuah daripada agensi kerajaan yang mengutamakan kepentingan awam dan keyakinan orang ramai tidak harus terhakis dengan laporan berniat buruk oleh The Edge, katanya dalam surat itu.

Beliau mendesak akhbar itu membuat pembetulan mengenai laporan awalnya itu.



Khamis, 10 April 2014

17. Penjawat awam cuai kena tindakan

Penjawat awam yang terbabit dalam salah laku atau kecuaian seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1 akan dikenakan tindakan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata beliau akan memaklumkan dalam masa terdekat bentuk tindakan dan jumlah kakitangan yang terbabit.

Beliau juga mengambil maklum syor daripada Jabatan Audit Negara bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan itu dan sudah memberitahu Ketua Setiausaha (KSU) kementerian untuk mengambil tindakan susulan.

Saya akan maklumkan berapa pegawai yang terbabit dan tindakan yang akan diambil terhadap jabatan atau kakitangan awam tidak lama lagi, katanya pada satu sidang media, di sini semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Pra Pelancaran Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) serta Seminar Tahunan Kesihatan Wanita Sejahtera, Lelaki Perkasa.

Ali berkata, teguran daripada Jabatan Audit Negara sudah berkurangan berbanding sebelum ini dan beliau sudah meminta KSU serta Ketua Jabatan terus melaksanakan penambahbaikan.

Berhubung kes penculikan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOMM), Ali berkata beliau akan mengumumkan tindakan susulan yang akan dilaksanakan kerajaan ketika melawat ESSCOMM kelak..



Khamis, 10 April 2014

18. Syarikat awam kena tingkat kepelbagaian

Kuala Lumpur: Pemimpin syarikat senaraian awam (PLC) digesa mempertingkat kepelbagaian dalam kepemimpinan dan pengurusan atasan bagi memberi lebih peluang kepada Bumiputera, wanita dan generasi muda berada dalam kelompok itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kajian terkini Talent Corporation Malaysia Bhd (TalentCorp) terhadap PLC yang diumumkan semalam mendapati, kepelbagaian secara keseluruhannya adalah baik dari segi gender, umur dan etnik, dengan 38 peratus pembabitan wanita, 67 peratus berusia 40 tahun ke bawah dan komposisi etnik menyamai penduduk dengan Bumiputera menguasai 66 peratus jumlah tenaga kerja.

Namun, katanya, hasil kajian itu menunjukkan perlunya usaha meningkatkan kepelbagaian di peringkat pengurusan tertinggi, berikutan wanita kini hanya menguasai 24 peratus, dengan 18 peratus berusia 40 tahun ke bawah dan 34 peratus Bumiputera.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan data tahun 2013, hanya lapan peratus ahli lembaga pengarah syarikat awam terdiri daripada wanita berbanding sasaran 30 peratus menjelang tahun 2016.

Walaupun lebih 700 wanita dilatih di Institut Antarabangsa NAM khusus untuk pembangunan dan memperkasakan wanita (NIEW) pada tahun 2012 dan tahun 2013, setakat ini hanya 115 penempatan dibuat dalam syarikat awam.

19. Malaysia pusat rujukan halal

Malaysia terus diiktiraf sebagai peneraju pembangunan industri halal apabila diberi kepercayaan mengetuai rundingan dalam kalangan negara Islam bagi mewujudkan standard halal universal.

Ketua Pegawai Eksekutif Halal Industry Development Corporation (HDC), Datuk Seri Jamil Bidin, berkata pengalaman dan kepakaran yang dimiliki Malaysia dalam pembangunan industri halal menjadikan negara ini diiktiraf sebagai pusat rujukan halal global.

Katanya, Malaysia dan Turki akan menerajui rundingan yang sedang berlangsung dengan anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) bagi merealisasikan matlamat untuk mewujudkan satu standard pensijilan halal universal.

"Kita berdepan dengan pelbagai isu dalam pembangunan industri halal termasuk penyepadan dalam standard halal global yang menjelaskan peserta industri itu sendiri disebabkan mazhab yang berbeza.

"Justeru, banyak negara Islam berpendapat Malaysia wajar mengetuai rundingan berkenaan (dengan OIC) kerana pengalamannya selama lebih 40 tahun dalam pembangunan dan pensijilan halal serta keupayaannya di kalangan negara Islam lain. Ini antara lain mewujudkan satu standard halal yang boleh digunakan kalangan negara Islam," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program perbincangan panel pada peringkat kepemimpinan tertinggi dalam Persidangan Halal Global (WHC) 2014 di Kuala Lumpur, semalam.

Program perbincangan itu diwakili antaranya oleh pemimpin dari Brazil, Turki, Thailand, New Zealand dan Argentina itu diketuai oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir Hamim Samuri.

Cabarani industri halal

WHC 2014 adalah acara tahunan yang dianjurkan HDC dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) sempena Minggu Halal Sedunia bagi membincangkan cabaran yang dihadapi industri halal serta merungkai persepsi industri global pada masa depan.

Persidangan bertemakan Keselamatan Makanan Global - Perspektif Halal itu dijangka disertai lebih 800 peserta industri dari 52 negara yang berlangsung selama dua hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur mulai semalam.

Jamil berkata, walaupun OIC terdiri daripada 57 negara anggota tetapi hanya 10 saja negara Islam yang besar termasuk Arab Saudi.

"Jika kita mendapat persetujuan daripada 10 negara ini, usaha mewujudkan penyatuan standard halal universal ini akan dapat direalisasikan.

Setakat ini 10 negara berkenaan menunjukkan perkembangan positif bagi inisiatif berkenaan," katanya.

Eksport produk halal meningkat

Dalam pada itu katanya eksport produk halal Malaysia dijangka meningkat sebanyak lima peratus tahun ini seriring dengan pertumbuhan industri halal.

Tahun lalu, eksport produk halal Malaysia berjumlah RM32.8 bilion, meningkat 2.7 peratus berbanding RM32 bilion pada 2012.

Sementara itu Hamim berkata industri halal perlu mempunyai satu garis panduan standard halal yang jelas serta satu badan yang diakreditasikan bagi memantau semua pensijilan halal dikeluarkan oleh negara Islam.

20. SPAD perlu kaji mekanisme laluan bas dua tingkat

Kuala Lumpur: Satu kajian perlu dibuat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan agensi berkaitan keselamatan jalan raya bagi menentukan mekanisme khusus terhadap penggunaan laluan bas dua tingkat.

Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam Universiti Sains Malaysia, Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata satu penilaian ketat terhadap kemampuan pemandu juga perlu dijalankan bagi mengelakkan insiden membabitkan kecuaian ketika mengendalikan pengangkutan itu berulang. Sambil mengakui piawaian keselamatan ditetapkan terhadap kenderaan jenis itu menepati standard minimum antarabangsa, katanya, apa yang perlu diberi penekanan dalam penelitian itu ialah sikap pemandu serta syarikat pengangkutan dalam menyediakan perkhidmatan termasuk laluan dipilih.

"Melarang penggunaannya di semua laluan berbukit mungkin sukar memandangkan di Semenanjung hanya laluan ke selatan yang tidak berbukit, manakala arah utara dan timur dipenuhi laluan berbukit.

"Sebelum ini, SPAD sudah menguatkasakan undang-undang terhadap pemandu dan syarikat bas yang gagal mematuhi peraturan dan tidak mengambil serius terhadap aspek keselamatan penumpang, pemandu dan kenderaan. Sewajarnya aspek itu perlu diberi tumpuan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) itu mengulas insiden bas ekspres dua tingkat terbabas di Kilometer 11, Jalan Bentong-Raub, Pahang, Ahad lalu sehingga mengakibatkan tiga penumpang maut, manakala 10 cedera parah.

Susulan insiden itu, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Datuk Dr Tam Weng Wah, mencadangkan setiap pengendali bas ekspres melaksanakan sistem penilaian penumpang bagi membolehkan pihak pengurusan mengetahui tahap pemanduan dan tingkah laku setiap pemandu mereka.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Pegawai Pengangkutan Jalan Semenanjung Malaysia (KPPJSM), Hamzah Masri, mencadangkan syarikat pengendali bas ekspres mewujudkan talian 'hotline' untuk membolehkan penumpang menghantar SMS jika pemandu memandu secara berbahaya.

Beliau yang mengakui tidak ada peraturan khusus di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengenai larangan penggunaan bas dua tingkat, berkata langkah itu menjadikan pemandu lebih bertanggungjawab, di samping memudahkan JPJ dan SPAD menahan pemandu terbabit.

Sebelum ini, Panel Penasihat Bebas kepada Kementerian Pengangkutan mengenai nahas bas di Genting Highlands yang dipengerusikan Tan Sri Lee Lam Thye, turut mencadangkan bas dua tingkat tidak dibenarkan menggunakan laluan berbukit sehingga kelemahan ini diperbaiki oleh pihak berkuasa.

Sementara itu, jurucakap SPAD yang dihubungi, memaklumkan siasatan kemalangan itu kini terarah kepada syarikat pengendali bas terbabit serta pemandunya.



Rabu, 16 April 2014

21. GST: Peniaga perlu manfaat geran RM250j

Komuniti perniagaan perlu menggunakan sepenuhnya kemudahan geran latihan dan bantuan kewangan berjumlah RM250 juta yang disediakan kerajaan bagi meningkatkan pemahaman dan kelancaran operasi apabila Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dikuatkuasakan mulai 1 April 2015.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan, berkata daripada jumlah itu, RM100 juta diperuntukkan untuk geran latihan kepada syarikat bagi menjalani latihan GST secara percuma. Katanya, baki RM150 juta lagi adalah bantuan kewangan yang disediakan kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi pembelian perisian GST, dengan peruntukan RM1,000 untuk setiap syarikat.

22. Malaysia model, peneraju sistem kewangan Islam

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak (tengah) merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia di Dewan Utama Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Kota Bharu, semalam. Turut hadir (dari kiri) Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob, Pengurusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman. - Foto Fathil Asri

Kota Bharu: Malaysia kini menjadi model, peneraju dan pelopor utama dalam agenda memartabatkan sistem kewangan berasaskan syariah di peringkat antarabangsa.

Razak (tengah) merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia di Dewan Utama Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Kota Bharu, semalam. Turut hadir (dari kiri) Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob, Pengurusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman. - Foto Fathil Asri

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata malah negara mendapat pengiktirafan terbaru daripada Bank Dunia yang bercadang membuka cawangan pejabatnya di Malaysia dengan meletakkan satu objektif utama menimba pengalaman dan pengajaran dari Malaysia dalam membangunkan sistem kewangan Islam.

"Sehingga hari ini, Malaysia masih kekal sebagai peneraju global dalam pasaran sukuk antarabangsa dengan nilai penerbitan sukuk melebihi RM267.02 juta pada 2013 iaitu 68.8 peratus daripada jumlah penerbitan sukuk di peringkat antarabangsa.

Pertumbuhan hebat

"Malah aset perbankan Islam juga menunjukkan pertumbuhan hebat sehingga mencapai 16.5 peratus dengan penguasaan pasaran 25.7 peratus daripada jumlah keseluruhan aset sistem perbankan pada 2013.

"Jumlah urus niaga berdasarkan mata wang asing yang diurus niaga di Bank Islam Antarabangsa juga meningkat kepada RM18.1 bilion pada 2013 berbanding RM14.6 bilion pada 2012. Angka ini memberi indikasi penting bahawa urus niaga kewangan Islam berpandukan syariah kini semakin mendapat tempat dalam masyarakat, bukan saja negara bahkan peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berucap ketika merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2014 di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di sini, semalam.

Prinsip Maqasid al-Syariah

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Pengurus Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Najib berkata, teras agenda pembangunan negara adalah berpandu kepada prinsip Maqasid al-Syariah atau Matlamat Syarak yang juga sebahagian tuntutan Islam.

Perdana Menteri berkata, pelaburan dan perancangan kewangan adalah dimensi penting dalam agenda transformasi dan pembangunan ekonomi negara.

Beliau berkata, satu daripada tuntutan Islam terutama dalam merealisasi falsafah dan prinsip Maqasid al-Syariah selain pemerkasaan dan pemeliharaan agama, akal dan keturunan adalah aspek pemeliharaan dan pengurusan harta.

Najib berkata, memahami hakikat inilah kerajaan mempelopori inisiatif pemerkasaan muamalah Islam dengan membangunkan sistem perbankan dan kewangan berasaskan prinsip syariah dengan bebas daripada unsur yang diharamkan seperti riba, gharar (ketidakpastian) dan maisir (judi).



Rabu, 23 April 2014

23. TPM minta teguran Ketua Audit diberi perhatian

Putrajaya: Naib canselor dan rektor institusi pengajian tinggi awam (IPTA) diminta meneliti laporan dan teguran Ketua Audit Negara secara serius.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, semua teguran perlu dijadikan panduan dan iktibar untuk menambah baik pengurusan IPTA.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sebelum mempengerusikan mesyuarat bersama Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor IPTA, di sini semalam. Hadir sama pengurus jawatankuasa, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin, yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1 yang dibentang di Dewan Rakyat pada 7 April lalu, menegur Kementerian Pendidikan mengenai pencapaian fizikal dan prestasi kewangan projek di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) di IPTA kerana membelanjakan peruntukan tinggi, namun tiada kertas kerja dikeluarkan.

Beripenjelasan

Kementerian juga diminta memberi penjelasan mengenai pembinaan kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), yang dimaklumkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sebagai tidak mengikut spesifikasi serta tidak mendapat sijil layak menduduki (CF). Selain itu, Muhyiddin, yang juga Menteri Pendidikan, meminta naib canselor dan rektor IPTA memberi tumpuan kepada aspek kemampuan dan kemampunan kewangan masing-masing.

"Ini bagi memastikan IPTA mampu menghadapi saingan sengit dalam ekosistem pengajian tinggi masa kini. Justeru, IPTA perlu mempunyai kerangka kewangan yang lebih praktikal dan tidak terlalu bergantung kepada geran pembangunan serta operasi kerajaan semata-mata," katanya.

Muhyiddin meminta naib canselor dan rektor bekerjasama dengan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi Negara (AKEPT) dan Jabatan Pengajian Tinggi dalam menyediakan pelan penggantian di IPTA.

"Pihak IPTA boleh mengenal pasti pensyarah berpotensi dan berkemahiran untuk memimpin dan mengemukakan calon bagi menjalani latihan di AKEPT.

"Menerusi latihan ini, IPTA akan mempunyai barisan kepimpinan pelapis berkeupayaan dan bersedia menerajui universiti pada masa depan," katanya.



Rabu, 23 April 2014

24. PTPTN kumpul RM5.12 bilion

Kuala Lumpur: Sejumlah RM5.12 bilion dikumpul oleh Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hasil pembayaran daripada 956,018 peminjam sejak tahun 2011.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata budaya membayar balik terus meningkat dengan RM1.2 bilion dikumpul tahun lalu, meningkat hampir RM400,000 berbanding RM800,000 pada 2012.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan, berkata pembayaran membolehkan kerajaan memberi kemudahan baharu kepada seramai 200,000 pelajar setiap tahun.

"Hingga 31 Mac lalu, 2.4 juta peminjam mendapat manfaat PTPTN membabitkan peruntukan hampir RM55 bilion. Selain objektif utama penubuhan yang memastikan pembiayaan lebih efisyen, PTPTN melaksanakan Dana Bantuan Pelajar Miskin 1Malaysia (BPM1M).

"Dana ini adalah inisiatif penjanaan dana PTPTN melalui sumbangan syarikat berdaftar bagi memenuhi keperluan pembiayaan pelajar miskin," katanya pada majlis pelancaran Sahabat PTPTN Peringkat Nasional dan Penyampaian Hadiah Simpanan Perdana Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini semalam.

Teks ucapan Muhyiddin dibacakan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh. Turut hadir Pengurus PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah dan Ketua Eksekutif PTPTN, Agos Cholan.

428,000 gagal bayar

Sementara itu, Idris berkata sehingga bulan lalu, 428,000 peminjam masih gagal membayar balik pinjaman membabitkan RM3.5 bilion.

Beliau berkata, kerajaan terus berusaha mempermudah cara peminjam membayar balik termasuk menggalakkan penyertaan syarikat dalam program Sahabat PTPTN.

Menerusi cara baru dalam Sahabat PTPTN, peminjam boleh membuat pemotongan gaji, selain pemotongan gaji untuk caruman SSPN-i dan seterusnya memastikan jumlah kutipan PTPTN lebih berkesan serta efisyen.

Dalam pada itu, Ketua Eksekutifnya, Agos Cholan, berkata pihaknya menyasarkan peningkatan 23 peratus kutipan hasil pembayaran balik selepas pengenalan program Sahabat PTPTN.

"Kami menyasarkan peningkatan bayaran balik lima peratus tahun ini berbanding tahun lalu dan berharap peminjam yang membuat pemotongan gaji meningkat daripada 12 peratus kepada 23 peratus.

"Selain pembayaran balik, promosi Sahabat PTPTN menyediakan perkhidmatan membuka akaun SSPN-i dan penambahan deposit terhadap SSPN-i juga melalui kaedah potongan gaji," katanya.

25. Isu nahas bas ekspres: JPJ kuat kuasa peraturan baru

Putrajaya: Semua pemandu bas ekspres wajib menjalani ujian air kencing sebelum memulakan perjalanan berkuatkuasa semalam, berbanding hanya ketika musim perayaan sebelum ini.

Perkhidmatan bas dua tingkat pula ditangguhkan buat sementara waktu di enam laluan tanah tinggi bermula bulan depan, iaitu Genting Highlands, Cameron Highlands, Bukit Tinggi, dan Bukit Fraser di Pahang, Bukit Larut, Perak dan Gunung Jerai, Kedah.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi, berkata peraturan baru itu antara langkah kawalan bagi mengekang kemalangan jalan raya membabitkan bas bagi menjaga kepentingan dan keselamatan rakyat.

Ujian air kencing akan dilaksana

Katanya, pematuhan terhadap peraturan menjalani ujian air kencing akan dilaksanakan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di semua terminal bas utama seluruh negara.

"Kita mahu pastikan kesihatan pemandu sentiasa pada tahap terbaik dan jika positif dadah, lesen memandu akan ditahan serta merta," katanya pada sidang media, di sini semalam.

26. MoU perdagangan, pelaburan RM6.53b

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama menyaksikan pemeteraian tiga Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia dan AS membabitkan pelaburan bernilai AS2bilion di Ritz Carlton Hotel, di sini, semalam. - Foto AFP

Kuala Lumpur: Malaysia dan Amerika Syarikat (AS), semalam meneruskan kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan membabitkan perjanjian firma kedua-dua negara dalam sektor penerbangan, bioteknologi dan insurans bernilai RM6.53 bilion (US\$2 bilion).

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) firma tempatan, Sime Darby Bhd, AmBank Group dan AirAsia X dengan firma AS itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Presiden Barack Obama, pada hari terakhir lawatan bersejarah pemimpin AS itu.

Firma AS ialah GE Aviation, MetLife International Holdings Inc dan Verdezyne Inc.

Obama dalam ucapannya, berkata hubungan erat dalam perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan AS akan mewujudkan peluang pekerjaan dan ekonomi di kedua-dua negara.

Kembangkan ekonomi

Semalam, kita bersetuju bagi perkongsian komprehensif baharu antara Malaysia dan AS dan

berusaha untuk mengembangkan ekonomi kita. AS sudah menjadi pelabur asing terbesar di Malaysia dan Malaysia adalah pelabur yang paling pesat berkembang di AS, katanya

Mengenai masa depan kedua-dua negara, beliau berkata ia boleh mengharapkan pertumbuhan dan kemakmuran yang lebih baik lagi.

Ini memerlukan komitmen dan peningkatan usaha, lebih bersaing, melabur lebih bukan sahaja di negara lain tetapi di seluruh rantau ini. Kita perlu melakukan lebih lagi untuk menggalakkan lebih banyak perdagangan dan ini termasuk mengurangkan beberapa halangan sedia ada bagi perdagangan dan pelaburan, menyokong perkongsian, eksport dan pekerjaan, katanya.

MOU antara AirAsia X dan GE ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Group, Tan Sri Tony Fernandes dan Ketua Pegawai Eksekutif GE Global Growth & Operations, John G. Rice. MoU antara Sime Darby dan Verdezyne ditandatangani oleh Presiden Sime Darby, Tan Sri Mohd Bakke Salleh dan rakan sejawatnya, Bill Radany.

MoU antara AmBank dan MetLife pula ditandatangani oleh Pengurus AmBank Group dan AmLife Insurance Bhd, Tan Sri Azman Hashim dengan Presiden Asia MetLife, Christopher G. Townsend.

27. Ekuiti Bumiputera Meningkat Rm4.1b

EKUITI Nasional Bhd (Ekuinas) berjaya meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera di dalam syarikat di bawah portfolio pelaburannya sebanyak RM2.8 bilion atau 1.7 kali ganda jumlah modal yang dilaburnya pada tahun lalu.

Jumlah nilai pemegang saham untuk semua syarikat di bawah portfolionya meningkat RM4.1 bilion atau 2.5 kali ganda modal dilabur, sekali gus mencerminkan kejayaan model operasi Ekuinas yang berupaya meningkatkankekayaan Bumiputera dan rakyat Malaysia lain.

28. Penstrukturran semula subsidi, GST dasar tepat

Peralihan Malaysia kepada subsidi disasarkan menerusi pelan penstrukturran semula subsidi dan cadangan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), adalah dasar yang baik dan akan

memberi manfaat kepada mereka yang benar-benar memerlukannya.

Pengarah Negara Bank Dunia, Ulrich Zachau, berkata apa yang dilakukan Malaysia dari segi mengurangkan subsidi tidak disasarkan dan beralih kepada penambahbaikan subsidi yang disasarkan, adalah satu dasar yang baik.



Rabu, 30 April 2014

29. Projek MAHB tarik pelaburan baharu

Mitsui Outlet Park KLIA, projek usaha sama Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHB) dengan firma Jepun, Mitsui Fudosan yang bakal beroperasi tahun depan dijangka merintis kemasukan lebih banyak pelaburan baharu dalam kawasan pembangunan KLIA Aeropolis.

Pengurus Besar Kanan Perancangan MAHB, Khair Mirza, berkata projek itu bernilai RM335 juta akan menjadi pemangkin pembangunan seterusnya baki simpanan tanah seluas kira-kira 2,800 hektar di KLIA Aeropolis, iaitu kawasan mengelilingi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Pembangunan Mitsui Outlet Park KLIA bakal melengkapi pelan induk KLIA Aeropolis yang termasuk rancangan memajukan kawasan kargo dan logistik, suite pejabat dan hospitaliti, daerah perniagaan serta taman tema.

Runding bersama pelabur

Khair berkata, ketika ini, syarikat sedang berunding bersama beberapa pelabur yang berminat dengan rancangan pembangunan KLIA Aeropolis.

30. Satelit Malaysia dilancar menjelang 2024

Banting: Malaysia mampu melancarkan satelit sendiri menjelang 2024 tanpa bantuan negara luar, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Katanya, beliau yakin dalam tempoh 10 tahun akan datang, Malaysia bakal mempunyai tenaga kerja berkemahiran dalam bidang sains angkasa untuk menjayakan sasaran yang ditetapkan.

Katanya, kerjasama antara Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui memorandum persefahaman (MoU) berkaitan kerjasama dalam bidang penyelidikan sains dan teknologi angkasa yang ditandatangani semalam, dapat membantu menyumbang tenaga kerja dalam bidang berkenaan.

Pelajar UPM khususnya dalam bidang bahan dan struktur aeroangkasa, sains angkasa, pertanian angkasa, sains hayat, penderiaan jauh dan sistem maklumat geografi serta sistem satelit navigasi sejagat dan satelit komunikasi akan memperoleh manfaat daripada kerjasama ini.

Kemudahan bantu pelajar

Saya percaya kemudahan yang disediakan ANGKASA dapat membantu pelajar menimba ilmu dalam bidang berkenaan dengan lebih mendalam, sekali gus membantu kita melahirkan graduan berkemahiran, katanya pada majlis penganugerahan sijil ISO 9001:2008 dan menandatangani MoU antara ANGKASA dan UPM, di sini semalam.

Abu Bakar berkata, sememangnya perbelanjaan tinggi diperlukan untuk mengembangkan sektor sains angkasa, namun peruntukan yang dibelanjakan berbaloi untuk masa depan kerana teknologi berkenaan dapat membantu negara dalam pelbagai aspek.

Keupayaan terhad

Insiden kehilangan pesawat MH370 baru-baru ini menggemparkan dunia, membuka mata banyak pihak

terhadap keperluan teknologi canggih yang selama ini dipelopori negara Barat. Sektor angkasa negara memerlukan pembiayaan dan dana yang agak besar untuk berkembang dan dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

Kerana keupayaan dan kepakaran tempatan ketika ini amat terhad dan terbatas, katanya sambil mengajak pemain industri supaya bersama-sama merancakkan industri tempatan khususnya dalam sektor strategik seperti sains angkasa.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Zulkifli Mohamed Hashim dan Ketua Pengarah ANGKASA, Dr Noordin Ahmad.